

Radar baru bantu atasi banjir kilat di KL, Lembah Klang - JPS

KUALA LUMPUR 20 Nov. — Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berkata, penggunaan sistem radar yang membolehkan kadar bacaan hujan dilakukan lebih cepat boleh membantu mengatasi masalah banjir kilat di sekitar Kuala Lumpur dan Lembah Klang.

Pengarah Bahagian Sumber Air dan Hidrologi JPS, Datuk Hanapi Mohamad Noor berkata, ia meli-

batkan sistem *Polarimetric Doppler Weather Radar* dari Jepun yang dianggarkan bernilai RM3 juta.

Beliau bagaimanapun berkata, pemasangan radar itu perlu terlebih dahulu dibincangkan dengan pihak Jabatan Meteorologi Malaysia.

"Radar sedia ada mengambil 10 minit untuk merekodkan taburan dan jumlah hujan, namun radar ba-

ru ini mampu merekodkan data yang dikehendaki dalam masa seminit," katanya selepas menghadiri seminar mengatasi banjir melalui kerjasama antara Malaysia dan Jepun, di sini hari ini.

Hanapi berkata, penggunaan radar itu membolehkan maklumat dan data yang direkodkan dibaca sebelum hujan, sekaligus membantu penyediaan

ramalan hujan lebih awal.

"JPS banyak bergantung kepada radar di Subang yang dikendalikan Jabatan Meteorologi, namun perolehan data setiap 10 minit sekali merugikan kami dari segi masa apatah lagi banjir yang berlaku di Lembah Klang boleh berlaku dalam kadar yang pantas," katanya.

Menurut beliau, cerapan maklu-

mat lebih pantas dan kerap amat penting bagi membolehkan pihaknya merangka pelan efektif bagi mengatasi masalah banjir kilat.

Seminar sehari anjuran Universiti Tenaga Nasional dengan kerjasama Kedutaan Jepun di sini itu dirasmikan Timbalan Ketua Pengarah 1 JPS, Datuk Nordin Hamdan. -

BERNAMA